

STRATEGI UMUM SYIAH

1.	Gugat pemerintahan dengan mewujudkan permusuhan antara ulama dengan pemerintah.
2.	Lemahkan ekonomi dengan menarik modal ke negara-negara pro-Syiah.
3.	Luaskan pengaruh Syiah di negara-negara Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan mengutamakan negara-negara yang memiliki khazanah minyak.
4.	Padankan perincian strategi dengan profil negara sasaran.

STRATEGI PENYEBARAN SYIAH DI MALAYSIA

1. •Menyerap masuk ke dalam gerakan-gerakan Islam (termasuk tarekat-tarekat dan NGO-NGO) dengan tujuan untuk menguasai pucuk pimpinan dan melemahkan gerakan ini dari dalam.
2. •Menyerap masuk dan mendominasi dalam pertubuhan-pertubuhan politik Melayu/Islam dengan tujuan yang sama.
3. •Menyerap masuk dalam agensi-agensi kerajaan, institusi-institusi pengajian tinggi (IPT) dan organisasi-organisasi kritikal dengan tujuan yang sama.
4. •Mengenal pasti dan melatih kader-kader yang berpotensi (pengaruh, kuasa, sumber dan kemahiran tertentu).
5. •Mempergiatkan usaha mendapatkan pengiktirafan daripada institusi tertinggi pemerintahan negara.
6. •Mewujudkan jaringan kerja bersama badan-badan lain yang memiliki agenda anti Islam tetapi bertopengkan imej “baik”.
7. •Menggalakkan rakyat Iran berideologi Syiah untuk belajar/bekerja/berkahwin dengan rakyat tempatan di Malaysia.
8. •Memperbanyakkan penerbitan, penterjemahan, input dalam media sosial, produk-produk rawatan, perubahan tradisional dan penyediaan makan/minum yang menjadi alat pengaruh Syiah.
9. •Menguasai surau/musollah terpilih (pengurusan, program, penajaan).
10. •Menggunakan dunia hiburan secara maksimum dan halus disebabkan budaya hedonis di kalangan generasi muda.
11. •Menarik generasi muda menerusi pendekatan intelektual dan kontemporari.
12. •Mencari golongan-golongan bermasalah ekonomi dan sosial untuk ditambat hati mereka dengan bantuan.
13. •Menggunakan amalan *taqiyyah* tanpa had demi agenda Syiah.
14. •Mempunyai kod bahasa dan pakaian tersendiri.

15. • Mewujudkan lubuk-lubuk pengaruh mereka di negeri-negeri terpilih, IPT-IPT terpilih, hotel-hotel terpilih dan tumpuan cita rasa yang terpilih.
16. • Menunggu saat-saat strategik untuk guna slogan hak asasi manusia sebagai serangan halus terhadap mana-mana pihak yang anti Syiah.
17. • Menggunakan operasi hitam untuk menggugat mana-mana pihak yang dianggap boleh menggagalkan agenda Syiah.
18. • Mengaburi dunia khususnya umat Islam dengan label dan identiti Islam.
19. • Menggubal perancangan yang bersifat *agenda centric* serta merangkumi jangka masa pendek, jangka masa sederhana dan jangka masa panjang.
20. • Mengaburi gerakan dengan gerakan militan yang lain (contoh: Daesh).
21. • Mempergiatkan usaha mendominasi penempatan geopolitik dan demografi golongan berfahaman Syiah di negara-negara sasaran.
22. • Mewujudkan rangkaian kerjasama dan pengaruh secara strategik dan berperingkat bermula dari negara-negara Arab kemudian menular ke negara-negara lain seperti negara di Asia Tenggara.
23. • Memperkasakan penguasaan segi ekonomi, teknologi, ketenteraan dan persenjataan.
24. • Menjalin hubungan kerjasama serta kesepakatan politik dengan kuasa besar dan musuh-musuh Islam (Amerika Syarikat, Israel, Rusia dan sebagainya).
25. • Memperkukuhkan pengaruh Syiah menerusi program bersama serantau.
26. • Menggunakan pendekatan mesra setempat (pemadanan strategi dengan profil negara sasaran) untuk mendekati masyarakat. Contoh: Malaysia (nikah), Singapura (Majlis Agama), Kampuchea (sayyid), Thailand dan Filipina (jihad).
27. • Menerapkan pengaruh melalui kemudahan dan aktiviti sosioekonomi. Contoh: pengangkutan awam (doa), pakej pelancongan dan umrah (mahram secara mut'ah), produk dan perkhidmatan.
28. • Menimbulkan pelbagai isu di peringkat nasional dan tempatan sehingga masyarakat merasa letih dan tidak menghiraukan isu-isu Syiah.

PENGKHIANATAN DAN PENGUASAAN/DOMINASI SYIAH

ANTARA PENGKHIANATAN SYIAH TERHADAP DUNIA ISLAM

1. • Membantu pasukan tentera Salib menguasai Jerusalem dan Baitul Maqdis.
2. • Mengorek dan melarikan Hajarul Aswad ke Bahrain dan membunuh 30,000 jamaah haji pada 8 Zulhijjah 317 H. (Dilakukan oleh Syiah Qaramithah).
3. • Mengkhianati tentera Islam sehingga memaksa Salahuddin al-Ayyubi membuat keputusan memusnahkan Daulah Syiah Fatimiyyah terlebih dahulu sebelum mengalahkan tentera Salib.
4. • Mengkhianati Khalifah Abbasiyyah dengan bersekongkol bersama tentera Tartar memusnahkan bumi Baghdad (dengan bantuan Syiah Nasarudin Tusi dan Ibn al-'Alqami).
5. • Menzalimi 1 juta Muslim Sunni di Wilayah Parsi sehingga memaksa Sultan Uthman Salim I memanggil balik tentera Turki yang dalam perjalanan ke Parsi untuk menghentikan kekejaman Syiah.
6. • Membantu tentera Amerika Syarikat dan sekutunya mengalahkan Taliban dan al-Qaeda serta menjatuhkan Saddam Hussein bagi merampas Iraq.